

Pulang ke kampus: Kesatuan Mahasiswa UM kemuka 11 tuntutan

Oleh [Tuty Haryanti Ahmad Rodzi](#) - September 9, 2021 @ 12:05pm

bhnews@bh.com.my



(Gambar fail) Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya (KMUM) mengemukakan 11 tuntutan berhubung rancangan pembukaan semula institusi pengajian tinggi (IPT) untuk kemasukan pelajar secara fizikal bagi sesi akademik 2021/2022, Oktober depan.

Menurut KMUM dalam satu kenyataan, tuntutan itu dikemukakan terhadap Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Malaya (UM), bagi melancar serta memudahkan proses kemasukan semula mahasiswa ke kampus.

KMUM menegaskan, kemasukan itu hanya boleh dilakukan jika data vaksinasi terkini menunjukkan ramai mahasiswa sudah lengkap vaksinasi.

"Ini bagi memastikan imuniti kelompok dicapai. Data berkenaan perlu ditunjuk dan dipamerkan secara umum.

"Selain itu, status kemasukan mahasiswa diutamakan kepada yang berkeperluan dan telah divaksin sepenuhnya.

"Kelonggaran perlu diberi kepada mahasiswa baharu yang bukan berkeperluan, untuk membuat permohonan pengecualian pendaftaran fizikal jika terdapat kekhawatiran pihak keluarga atau situasi tertentu," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, tuntutan lain ialah penyediaan kit ujian calitan bagi setiap mahasiswa yang akan mendaftar masuk secara fizikal di kampus.

Seterusnya, memberi subsidi kos penerbangan kepada pelajar Borneo kerana pengumuman yang agak lewat menyebabkan mereka tidak berjaya mendapatkan tiket murah.

Selain itu, memberi subsidi untuk menampung kos wang cagaran rumah sewa, kepada mahasiswa yang tidak mendapat tempat di kolej kediaman universiti.

KMUM juga menuntut klinik universiti atau Pusat Perubatan UM (PPUM) digunakan sebagai pusat pemberian vaksin (PPV) bagi mahasiswa universiti itu, dan membenarkan pelajar yang sudah menerima suntikan dos pertama di negeri asal untuk mengambil dos kedua di PPV UM.

Selain itu, KMUM menggesa pembukaan Kolej Kediaman Ke-13 dipercepat bagi meningkatkan kapasiti penginapan mahasiswa yang akan mendaftar masuk secara fizikal.

"Tuntutan lain ialah memberi notis lebih jelas kepada pelajar antarabangsa mengenai status kemasukan mereka kerana golongan itu memerlukan tempoh lebih sebulan untuk pemprosesan visa, ujian calitan dan proses kuarantin.

"Selain itu, membenarkan pelajar antarabangsa untuk menjalani proses kuarantin di kolej kediaman bagi menjimatkan kos," katanya.

KMUM turut mahu wakil mereka terbabit dalam proses penetapan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas mengenai kemasukan pelajar ke kampus dan kolej kediaman.

"KMUM juga ingin menegaskan bahawa pihak KPT dan UM perlu merangka strategi kemasukan mahasiswa dengan lebih teliti supaya isu 'U-turn' tidak berulang lagi," katanya.